



GUARD Easy

Product Disclosure Sheet



NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pelan **Tune Protect Guard Easy**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

1) Apakah produk ini?

Produk ini memberikan anda perlindungan untuk Kerugian Wang Tunai & Barangan Berharga yang disebabkan oleh Kecurian Ragut atau Rompakan berkenaan dengan barangan yang dibawa sendiri oleh Orang yang Diinsuranskan di luar rumahnya.

2) Apakah manfaatnya?

Sila rujuk Jadual Manfaat. Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun tertakluk kepada terma dan syarat yang diguna pakai.

3) Berapakah premium yang perlu saya bayar dan bagaimana saya ingin membuat pembayaran premium?

Premium yang anda perlu bayar bergantung pada pelan yang dipilih.

Perlindungan	Pelan Asas (RM)	Pelan Premier (RM)
Kerugian Wang Tunai & Barangan Berharga akibat Kecurian Ragut atau Rompakan	1,000.00	1,500.00
Premium Tahunan	19.99	25.99

Pembayaran Premium boleh dibuat secara Kad Kredit/Debit atau Perbankan Internet.

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem RM10.00
- Cukai Perkhidmatan dikenakan pada premium pada kadar semasa, jika berkenaan

5) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

• Kewajipan Pendedahan

Anda mesti mendedahkan semua fakta material dalam borang permohonan anda dengan lengkap dan tepat, jika tidak, polisi anda boleh dibatalkan. Fakta material adalah usia, keadaan perubatan anda dan apa-apa maklumat lain yang boleh menjejaskan profil risiko anda. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu fakta itu adalah material, sila dapatkan nasihat kami.

• Terma Pembayaran

Insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium telah dibayar sepenuhnya.

- **Tuntutan**

- a. Syarikat akan membayar Orang yang Diinsuranskan mengikut had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kerugian Wang Tunai dan Barangan Berharga akibat daripada kecurian ragut atau rompakan bagi barangan yang dimiliki olehnya.
- b. Kecurian atau rompakan mesti dilaporkan kepada pihak polis.

- **Had Liabiliti bagi setiap Pelan**

Pelan Asas – RM1,000.00 Mana-mana satu insiden atau bagi setiap tahun polisi

Pelan Premier – RM1,500.00 Mana-mana satu insiden atau bagi setiap tahun polisi

6) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Insurans ini tidak melindungi:

- Haiwan
- Kereta dan peralatan kereta, treler dan karavan, bot dan peralatan jenis pengangkutan lain
- Barangan pasaran gelap atau barangan haram
- Dokumen, kertas identiti, pasport, kad kredit dan pembayaran, tiket pengangkutan, stok dan sekuriti
- Kanta lekap, alat bantuan pendengaran, anggota badan prostetik, gigi atau pergigian palsu

7) Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

8) Adakah terdapat sebarang Kos Pentadbiran apabila saya membatalkan polisi?

Minimum RM15.00 akan ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan / Pemegang Polisi sekiranya berlaku penamatan.

9) Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490, Kuala Lumpur,

Malaysia.

No Tel: 1800 88 5753

Faks: 03-20941366

Emel: hello.my@tuneprotect.com

Laman Web: www.tuneprotect.com



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.